

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : DATUK SERI DR. HAJI DZULKEFLY AHMAD  
[KUALA SELANGOR]**

**TARIKH : 16 JULAI 2020 (KHAMIS)**

**SOALAN**

**DATUK SERI DR. HAJI DZULKEFLY BIN AHMAD [ KUALA SELANGOR ]** minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan status kes denggi mengikut negeri yang melanda negara kita dan apakah punca berlaku kenaikan mendadak akhir-akhir ini. Seterusnya apakah tindakan pihak Kementerian dalam membasmi penyakit denggi daripada terus meningkat. Adakah Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) yang dilancarkan tempoh hari merupakan antara penyumbang kepada peningkatan kes denggi di beberapa lokaliti di negara kita.

**JAWAPAN**

**Tuan Yang di-Pertua,**

1. Pada tahun 2020 iaitu bermula Januari sehingga 2 Julai 2020, kumulatif kes demam denggi yang dilaporkan adalah sebanyak **55,586 kes** dan **92** kematian akibat komplikasi demam denggi, berbanding **64,192 kes** dan **93** kematian akibat komplikasi demam denggi bagi tempoh sama tahun 2019, iaitu **penurunan kes** sebanyak **13.4% (8,606 kes)** serta **pengurangan kematian sebanyak 1% (1 kematian)**. Sebanyak enam (6) negeri yang menunjukkan jumlah kes tertinggi adalah Selangor (30,628), Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur & Putrajaya (6,285), Johor (5,296),

## SOALAN NO : 37

Sabah (2,599), Kelantan (2,004) dan Perak (2,010) manakala sembilan (9) negeri lain merekodkan jumlah kes kurang daripada 2,000 kes.

2. Walaupun jumlah kes yang dilaporkan menurun, namun sejak 11 minggu kebelakang, terdapat tren peningkatan kes berterusan. Tren ini adalah mengikuti tren median lima (5) tahun di mana peningkatan seringkali berlaku pada bulan Jun hingga September. Berdasarkan tren tahun-tahun sebelumnya, peningkatan akan berlaku sekali lagi pada bulan November hingga Januari tahun hadapan. Oleh itu, semua lapisan masyarakat, perlu melakukan tindakan dari sekarang iaitu memastikan kebersihan persekitaran serta memusnahkan tempat pembiakan Aedes.

3. Untuk makluman Yang Berhormat Kuala Selangor, walaupun negara sedang bergelut dengan wabak pandemik COVID-19, tindakan pencegahan dan kawalan bagi setiap kes dan wabak Denggi perlu terus dilaksanakan tanpa kompromi. Tindakan pembersihan persekitaran, aktiviti larvasiding di kawasan berpotensi menakung air serta promosi kesihatan kepada masyarakat terus dilaksanakan oleh anggota di lapangan dengan mengamalkan pendekatan norma baharu iaitu penjarakan sosial 1 meter dari individu lain, memakai pelitup muka sewaktu di lapangan serta kerap mencuci tangan.

4. Berdasarkan kepada analisa oleh Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM), dalam tempoh empat (4) minggu pertama PKP dilaksanakan iaitu bermula 18 Mac sehingga 14 April 2020, didapati berlaku penurunan ketara kes demam denggi yang dilaporkan berbanding tempoh sama tahun lepas iaitu sebanyak 22.6%.

5. Penyakit demam denggi amat berkait rapat dengan faktor kebersihan persekitaran. Setiap individu termasuk Ahli Yang Berhormat sekalian perlu mengambil tanggungjawab bagi memastikan kawasan persekitaran bebas dari pembiakan nyamuk *Aedes* dengan meluangkan masa sekurang-kurangnya 10 minit seminggu untuk melakukan aktiviti pembersihan persekitaran. Tindakan pencegahan adalah lebih berkesan untuk menghalang kejadian kes dan wabak demam denggi.

Sekian, terima kasih.